



SOALAN LAZIM (FAQS) BERKAITAN ZAKAT FITRAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

1. Berapakah kadar fitrah di negeri Johor bagi tahun 2020M/1441H ?

Jawapan :

Kadar Zakat Fitrah bagi tahun 1441H bersamaan 2020M pada dua kadar :

- i. **RM 10.00**

Umat Islam di negeri Johor yang menjadikan makanan hariannya beras selain daripada jenis Super Tempatan (Beras Import) seperti Beras Wangi, Beras Basmathi dan lain-lain.

- ii. **RM 7.00**

Umat Islam di negeri Johor yang menjadikan makanan hariannya beras.

2. Adakah zakat fitrah wajib ditunaikan didalam situasi wabak COVID-19 yang melanda Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya ?

Jawapan :

Ya, zakat fitrah wajib ditunaikan jika telah menepati syarat-syaratnya.

3. Adakah pada tahun ini kutipan Zakat Fitrah masih dibuat melalui amil ?

Jawapan :

Tiada, berikutan wabak COVID-19 yang melanda negara, bayaran Zakat Fitrah melalui amil **TIDAK DIGUNAKAN** bagi mematuhi langkah pencegahan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Jika khidmat amil tidak digunakan untuk memungut Zakat Fitrah, bagaimana umat islam ingin menunaikan Zakat Fitrah pada tahun ini ?

Jawapan :

Pada tahun ini pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah menetapkan saluran pembayaran zakat fitrah secara atas talian.

5. Apakah hukum menunaikan Zakat Fitrah secara atas talian ?

Jawapan :

Resolusi Muzakarah Khas Kali Ke-2 Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 9 April 2020 melalui siaran langsung teleconference. Muzakarah telah mengambil ketetapan bahawa :

Kaedah pembayaran Zakat Fitrah boleh dipelbagaikan mengikut kesesuaian di negeri masing-masing dengan mengambil kira peraturan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa.

6. Apakah saluran yang disediakan MAINJ ?

Jawapan :

Pihak MAINJ ada menyediakan 3 saluran pembayaran atas talian seperti berikut bagi memudahkan setiap individu untuk menunaikan Zakat Fitrah :

APLIKASI FITRAH ONLINE	PAUTAN
Zakat Johor Online Payment	<p>1. FASTPAY MELALUI QR CODE</p>  <p>fitrah.maij.gov.my</p> <p>2. BAYARAN MELALUI WEB https://epayment.maij.gov.my/</p>
Johor Online Payment	<p>1. BAYARAN MELALUI WEB https://onlinepayment.johor.gov.my/</p>
SnapNPay.	<p>1. BAYARAN MELALUI WEB https://snapnipay.my/pay/JHRFITRAH/zakatfitrah/</p> <p>2. BAYARAN MELALUI QR CODE</p>  <p>App Store Google Play</p>

7. Bagaimana cara mendapatkan resit rasmi jika transaksi dibuat secara atas talian?

Jawapan :

Pembayaran melalui:

- i. Zakat Johor Online Payment : Cetakan resit terus melalui atas talian.
 - ii. Johor Online Payment : Resit akan diemailkan ke e-mel pembayar.
 - iii. SnapNPay : Resit akan die-melkan ke e-mel pembayar.
8. Jika saya selaku ketua keluarga menunaikan Zakat Fitrah dengan sekali pembayaran untuk tanggungan (isteri, anak, ibu bapa jika didalam tanggungan) adakah resit akan dikeluarkan atas nama setiap individu ?

Jawapan :

Resit bayaran hanya akan dikeluarkan atas nama ketua keluarga sahaja.

9. Jika saya membayar bagi pihak ke 3 (saudara mara, kawan sekerja, dll) dengan menggunakan akaun saya, adakah MAINJ boleh mengeluarkan resit bayaran atas nama mereka ?

Jawapan :

Ya, resit bayaran akan dikeluarkan atas nama mereka sekiranya data yang dimasukkan adalah data pihak ke 3, tetapi resit akan di e-mel kepada e-mel pembayar.

10. Adakah semua saluran pembayaran atas talian di atas beroperasi 24 jam ?

Jawapan :

Berikut adalah waktu operasi bagi ketiga-tiga saluran atas talian tersebut :

APLIKASI FITRAH ONLINE	MASA BEROPERASI
Zakat Johor Online Payment	Dari jam 1.00 pagi hingga 11.00 malam
Johor Online Payment	
SnapNPay.	

Proses pembayaran Zakat Fitrah boleh di buat pada:

**1 RAMADAN 1441H
SEHINGGA
1 SYAWAL 1441H (JAM 8.00 PAGI)**

"Pembayaran awal digalakkan bagi mengelak kesesakan capaian ONLINE disaat akhir"

11. Bagaimana jika terdapat individu yang tidak mahir menggunakan kaedah secara atas talian ?

Jawapan :

MAINJ menggalakkan supaya mereka yang mempunyai kemahiran membantu saudara terdekat atau kenalan yang tidak mahir menggunakan teknologi, kerana saluran ini membolehkan bayaran bagi pihak ketiga.

12. Adakah pihak MAINJ melantik individu bagi membantu mereka yang tiada kemahiran dan individu tersebut boleh menuntut bayaran/caj diatas bantuan yang diberi ?

Jawapan :

Pihak MAINJ tidak melantik mana-mana individu bagi tujuan tersebut.

13. Jika saya gagal menunaikan Zakat Fitrah hingga selepas solat raya disebabkan masalah online adakah saya dikira berdosa ?

Jawapan :

Sekiranya kegagalan menunaikan Zakat Fitrah itu disebabkan keuzuran yang tidak dapat dielakkan, maka perbuatannya itu tidak berdosa tetapi wajib melaksanakan Qada' zakat dengan syarat selepas bersungguh-sungguh untuk membayarnya melalui saluran yang disediakan.

14. Bolehkah mereka yang tiada kemudahan internet atau telefon pintar, tidak menunaikan Zakat Fitrah dan dibuat secara Qada' sahaja ?

Jawapan :

Tidak boleh, seseorang meninggalkan kewajipan membayar fitrah dengan sengaja dengan niat muharram melaksanakan Qada' sahaja, diantara sebab diharuskan Qada' :

- i. Tidak mempunyai kemudahan internet atau telefon pintar yang boleh digunakan pembayaran melalui talian internet.
- ii. Lokasi tempat tinggal yang terpencil dan terkeluar daripada liputan internet.
- iii. Tidak mempunyai anak atau saudara mara yang boleh membantu.
- iv. Gagal membuat bayaran atas talian disebabkan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan setelah pelbagai usaha dilakukan.

maka wajib atasnya melaksanakan Qada' Zakat Fitrah tersebut selewat-lewatnya sebelum berakhir 30 Syawal tahun semasa atau satu (1) bulan selepas tamat tempoh PKP.

15. Dimana saya boleh membuat aduan/pertanyaan jika terdapat kemusyikan ?

Jawapan :

Jika terdapat pertanyaan boleh hubungi pihak MAINJ melalui e-mel zakatfitrah@maiij.gov.my